



KERAJAAN MALAYSIA

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1 TAHUN 2015

**PINDAAN TARIKH BAYARAN BAGI IMBUHAN TAHUNAN DAN
BAYARAN KHAS PRESTASI TAHUN 2014**

TUJUAN

1. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan memaklumkan keputusan Kerajaan untuk meminda tarikh pembayaran Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi Tahun 2014 kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan.

PINDAAN

2. Kerajaan dengan ini memutuskan supaya tarikh pembayaran Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi Tahun 2014 dipinda daripada 22 Januari 2015 kepada 15 Januari 2015.

3. Dengan ini, perenggan 10 dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2014 mengenai tarikh pembayaran dibatalkan.

4. Syarat-syarat lain dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2014 adalah terpakai.

PEMAKAIAN

5. Tertakluk kepada penerimaan pakai Surat Pekeliling Perkhidmatan ini oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Surat Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI MOHAMAD ZABIDI ZAINAL)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

05 Januari 2015

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan